

23/11/1998

Tempoh pertandingan dilanjutkan

TARIKH tutup pertandingan mencipta poster kempen galakan menabung peringkat kebangsaan yang dianjurkan Urusetia Galakan Menabung di Bank Negara Malaysia (Bank Negara) dilanjutkan daripada 20 November kepada 30 November ini.

Bank pusat itu dalam kenyataan di Kuala Lumpur kelmarin berkata, semua rakyat Malaysia termasuk pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta dipelawa menyertai pertandingan mencipta poster itu.

Tema poster hendaklah melambangkan kehidupan yang memberi kepentingan kepada tabungan bukan berbentuk kewangan dan perbelanjaan berhemat serta dirancang.

Tabung bukan kewangan adalah wang yang terhasil daripada penjimatan dan pengurangan pembaziran penggunaan sumber harian seperti elektrik dan air. Wang yang terhasil daripada penjimatan penggunaan sumber yang cekap boleh ditabungkan.

Menurut bank pusat itu, hadiah wang tunai RM5,900 disediakan untuk pemenang iaitu RM2,000 bagi pemenang pertama, kedua (RM1,500) dan ketiga (RM1,000).

Tujuh hadiah sagu hati RM200 untuk setiap pemenang. Poster yang dipilih akan dicetak dan dipamerkan di tempat awam.

Strategi kempen galakan menabung peringkat kebangsaan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 Disember 1996 ialah untuk mengalakkan tabungan berbentuk kewangan dan bukan kewangan.

Tumpuan utama kempen ini ialah golongan pelajar, wanita dan pekerja.

Ia bertujuan meningkat kesedaran mengenai faedah menabung, memupuk tabiat menabung di kalangan generasi muda, menanam sikap berbelanja berhemat dan penggunaan sumber dengan cekap.

Ini akan dapat meningkatkan tabungan sukarela dan seterusnya tabungan negara. Tabungan negara yang tinggi dapat mengurangkan pergantungan negara kepada modal asing di samping membantu mengawal inflasi.

(END)